

**BH**  
Berita Harian

# VARSITI

## AKSES KE IPT

» *Pelajar perlu atur strategi pilih program ikut minat, kelayakan*

**Oleh Basir Zahrom**

basir\_zahrom@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**P**emilihan program dan institusi pengajian tinggi (IPT) yang sesuai bakal menentukan hala tuju kerjaya lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrikulasi Kementerian Pendidikan, Asasi dan setaraf apabila tamat pengajian kelak.

Strategi perlu dirangka

dengan bijak bagi mengelakkan mereka 'berpuñh mata' apabila gagal mendapat akses ke pendidikan tinggi. Jika mendapat keputusan baik atau cemerlang seperti yang diharapkan, tidak mustahil bagi pelajar memilih kursus pengajian kompetitif yang diidamkan.

Namun, jika keputusan sebaliknya, maka pilihan kursus pengajian perlu sesuai dengan pencapaian kerana persaingan memasuki universiti awam (UA) khususnya kini semakin sengit terutama dalam bidang profesional termasuk perubatan dan kejuruteraan.

Berkongsi pandangan me-

ngenai pemilihan program di IPT, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata pelajar perlu diberi pendedahan seawal Tingkatan Empat lagi untuk menentukan program yang ingin diikuti pada peringkat pendidikan tinggi.

### **Main peranan**

Katanya, pihak sekolah perlu memainkan peranan lebih proaktif bagi membantu pelajar mengenal pasti program pilihan lebih awal, bukan terpinga-pinga memikirkan pro-

gram yang sesuai ketika mengisi permohonan atas talian.

"Di sini, peranan guru kaunseling penting bagi membimbing pelajar seawal Tingkatan Empat agar memilih program bersesuaian dengan minat, kebolehan serta tahap kemampuan pelajar yang dicerminkan menerusi keputusan peperiksaan.

"Dedahkan sebanyak mungkin maklumat berkaitan program dan IPT termasuk mengadakan lawatan ke mana-mana IPT bagi membolehkan pelajar mengenali lebih dekat program pilihan masing-masing," katanya.

# Sekolah perlu proaktif bantu pelajar pilih program IPT

● Dari muka 1

Beliau turut menasihatkan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian tinggi supaya meneliti semua pilihan program pengajian serta IPT menawarkannya supaya pilihan dibuat berasaskan pengetahuan dan bukan sekadar ikutan.

Selain guru kaunseling, katanya, kerjasama guru sekolah, pengetua, pakar industri dalam bidang berkaitan, ahli akademik serta program hebahan termasuk Karnival Jom Masuk U serta pameran pendidikan, juga antara sumber serta saluran terbaik bagi pelajar mendapatkan bimbingan pemilihan program yang sesuai.

## Sekolah turun padang

“Karnival Jom Masuk U contohnya, adalah satu saluran terbaik yang mendedahkan mengenai program dan maklumat IPT, namun tidak begitu menyeluruh beriku-



Lawatan pelajar sekolah ke universiti **dapat membantu mereka mengenali lebih dekat** program yang ditawarkan.

tan ada kemungkinan pelajar yang berada jauh daripada lokasi program itu tidak berpeluang menghidungnya.

“Sehubungan dengan itu, pihak sekolah perlu turun padang membawa pelajar-jarnya melakukan lawatan ke IPT bagi membolehkan mereka memilih bidang pengajian diminati,” katanya.

Prof Mohammad Shatar berkata, pemilihan program pengajian di IPT ini antara keputusan penting dalam kehidupan dan perlu disesuaikan dengan kemampuan, minat serta perawakan pelajar kerana perkara itu penentu masa depan kerjaya mereka.

Katanya, sebelum ini ada

pelajar yang tidak berpeluang meneruskan pengajian pada peringkat diploma kerana subjek yang diambil ketika Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak melayakkannya.

“Kita tidak mahu perkara seumpama ini berulang, lebih-lebih lagi pada era serba canggih ini, maklu-

mat boleh disalur dengan pelbagai cara, jadi usaha pihak yang berkenaan perlu digembleng.

“Kita tidak mahu lagi ada pelajar yang sudah berada di Tingkatan Enam dan matrikulasi masih samar dengan pilihan pengajian yang bakal diikuti di universiti,” katanya.